

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING
[PENAMPANG]**

TARIKH : 12 JUN 2014 (KHAMIS)

SOALAN :

YB Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- (a) adakah Kerajaan Persekutuan menaikkan royalti minyak negeri-negeri pengeluar minyak daripada 5 peratus kepada 20 peratus; dan
- (b) adakah Kerajaan Persekutuan akan menyokong penubuhan Syarikat Petroleum Sabah dengan tujuan sepertimana Syarikat PETRONAS diwujudkan.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

- a. Aktiviti penerokaan, carigali dan pengeluaran minyak dan gas dijalankan berdasarkan Perjanjian Perkongsian Pengeluaran atau Production Sharing Contract (PSC) yang ditandatangani antara PETRONAS dan rakan PSC seperti Shell, Exxonmobil dan sebagainya. Pembayaran royalti juga terkandung dalam PSC.

Manakala peruntukan mengenai bayaran royalti atas hasil pengeluaran petroleum kepada Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri adalah terkandung dalam Akta Pembangunan Petroleum 1974 dan Perjanjian Royalti. Perjanjian bayaran royalti ditandatangani di antara PETRONAS dan setiap Kerajaan negeri bagi 5 peratus royalti dan juga di antara PETRONAS dan Kerajaan Pusat bagi royalti sebanyak 5 peratus.

Mengikut perjanjian PSC hasil pengeluaran minyak dan gas akan dibahagikan antara PETRONAS dan rakan PSC selepas ditolak bayaran royalti bagi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, kos pengeluaran dan operasi dan cukai petroleum.

Oleh yang demikian, bagi meningkatkan pendapatan daripada industry minyak dan gas, Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak disarankan bekerjasama dengan syarikat-syarikat petroleum khususnya PETRONAS bagi turut serta terlibat dalam aktiviti

huluan dan hiliran petroleum di negeri masing-masing. Malah Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan dana yang agak besar kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak bagi membangunkan projek infrastruktur di negeri tersebut. Sebagai contoh, sejumlah RM500 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2014 untuk projek Lebuhraya Pan Borneo yang menghubungkan Semantan, Sarawak sehingga Serudong, Sabah.

- b. Tuan Yang di-Pertua, mengikut Seksyen 2 (1) Akta Kemajuan Petroleum 1974 menetapkan bahawa pemunyaan mengenai petroleum, hak, kuasa kebebasan dan keistimewaan hendaklah diletakhakkan pada suatu Perbadanan. Dalam Seksyen 3(1) Akta Kemajuan Petroleum 1974 dinyatakan dengan jelas bahawa perbadanan tersebut adalah PETRONAS.

PETRONAS juga menjalankan tugas dan tanggungjawabnya dengan baik dan terkenal sebagai sebuah syarikat petroleum yang berjaya di dunia dan turut tersenarai di dalam 500 *Fortune Global*. Oleh itu, Kerajaan Persekutuan berpendapat bahawa, buat masa ini tidak perlu diwujudkan Syarikat Petroleum Sabah.

Sekian. Terima kasih.